

## Program Kongsi Ilmu” Kolej Cosmopoint Kuching

**BELADIN, 9 Oktober 2016-** Kolej Cosmopoint Kuching telah menjayakan “Program Kongsi Ilmu” bersama belia Kampung Beladin yang terletak di Daerah Pusa, Betong. Program tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat luar bandar tentang peluang pendidikan selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Ketibaan wakil dari Kolej Cosmopoint Kuching telah disambut baik oleh Imam 1 Masjid Kampung Beladin, Tuan Haji Masadi bin Prahim bersama Pengerusi Masjid Kampung Beladin, Cikgu Zakaria bin Mos. Rombongan yang diketuai oleh Ketua Pendaftar dari Bahagian Pengambilan Pelajar Kolej Cosmopoint Kuching, Cik Dyeen Stephen turut menyampaikan sumbangan ikhlas kepada wakil Masjid Kampung Beladin sebagai tanda terima kasih di atas sambutan dan jasa baik pihak masjid selaku perantara kepada pihak kolej dalam usaha mendekati masyarakat sekitar kampung tersebut. Menurut Pengerusi Ahli Jawatankuasa Masjid tersebut, program seperti ini dapat membantu mengeratkan lagi silaturahim dan merapatkan jurang pengetahuan di kalangan masyarakat luar bandar dengan ilmu dan peluang pengajian yang ada di luar daripada lingkungan sekolah.

Menurut Cik Dyeen Stephen, sambutan yang amat memberangsangkan daripada penduduk kampung tersebut telah menjadi pendorong mereka untuk berusaha secara berterusan bagi membantu memupuk semangat belajar di kalangan pelajar lepasan SPM ke peringkat yang lebih tinggi seperti mengikuti bidang profesional yang ditawarkan di Kolej Cosmopoint Kuching. Menurut beliau lagi, program yang ditawarkan amat sesuai bagi memenuhi keperluan industri di samping mampu memupuk pembangunan modal insan di kalangan belia.

Hasil daripada penerangan dan perkongsian tersebut, belia Kampung Beladin menyatakan minat dan hasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik di masa akan datang. Hasrat tersebut disambut baik oleh pihak kolej dengan menawarkan pelbagai kemudahan pengajian termasuklah kemudahan tempat tinggal, biasiswa pengajian bagi pelajar yang layak dan kemudahan pinjaman pelajaran.

Menurut Puan Nafisah, salah seorang penasihat akademik yang telah memberikan khidmat nasihat dan kaunseling pendidikan kepada generasi muda kawasan ini, minat terhadap pendidikan tinggi di kalangan anak muda di kawasan luar bandar amat dirasai apabila mereka dengan penuh semangat mendengar penerangan tentang program Diploma yang ditawarkan dan kebanyakan daripada anak muda ini mempunyai keputusan SPM yang agak memberangsangkan. Namun, kesan daripada kurangnya pendedahan tentang bidang pengajian yang bersesuaian serta kemudahan pinjaman pendidikan yang sedia ada, telah membantutkan niat mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Cik Khatijah yang juga merupakan penasihat akademik turut mendekati ibu bapa pelajar di kawasan tersebut dan meminta ibu bapa menggalakkan anak mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sedar akan masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar ini, beliau turut memberikan nasihat dan rundingan kewangan yang dapat membantu meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan untuk menghantar anak mereka belajar ke peringkat yang lebih tinggi.

Semasa melancarkan “Program Kongsi Ilmu” tersebut, Ketua Eksekutif Kolej Cosmopoint Kuching, Puan Julia Bujang turut menyatakan bahawa pendidikan adalah pelaburan seumur hidup yang sememangnya akan mendatangkan pulangan yang tidak ternilai kepada keluarga, masyarakat setempat dan generasi yang seterusnya. Beliau turut menegaskan bahawa terdapat banyak bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak kolej bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk menampung kos pengajian dan kos sara hidup semasa tempoh pengajian. Beliau juga menyatakan hasrat pihak kolej untuk menyasarkan lebih banyak program di kawasan luar bandar dan setakat ini, pihak Kolej

Cosmopoint Kuching telah menjelajah ke kawasan Limbang, Bahagian Kapit pada 15 dan 16 Oktober 2016 yang lalu. Menurut Puan Julia lagi, pihak kolej akan menganjurkan satu program berskala besar yang bertempat di Dewan Suarah Mukah pada 24 Oktober ini.

Puan Julia Bujang turut merakamkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dari pihak pengurusan Kolej Cosmopoint and ILMU Education Group yang beribupejabat di Kuala Lumpur kerana telah memberikan bantuan dan dorongan dari pelbagai sudut bagi menjayakan pelbagai program yang telah dirancang oleh pihak kolej. Kolej Cosmopoint Kuching beralamat di Lot 3127-30, Blok 10, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Kuching kini menawarkan 7 bidang pengajian tahap diploma iaitu Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Senireka Grafik Berkomputer, Diploma Perakaunan, Diploma E- Kesetiausahaan, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Aplikasi Multimedia, dan program diploma terbaharu yang diperkenalkan pada sesi pengajian September 2016 ini iaitu Diploma Pengurusan Pelancongan. Semua program diploma yang di tawarkan telah mendapat akreditasi dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Untuk sebarang pertanyaan, Kolej Cosmopoint Kuching boleh dihubungi di talian 082- 240340 dan dibuka dari Isnin hingga Jumaat, 9 pagi hingga 6 petang.

### **Mengenai Kolej Cosmopoint**

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulineri dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

### **Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan media:

**Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd**

**Elyantie Mohamed**

**Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

**Yasmin Yusoff**

**Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my



Puan Nafisah dan Cik Khadijah menerangkan tentang peluang pengajian untuk lepasan SPM kepada calon-calon SPM 2016 di Kampung Beladin.



“Cosmopoint Masuk Kampung”: Cik Khadijah (kiri) dan Puan Nafisah mendekati anak muda kawasan luar bandar dan mengagihkan cenderahati dari pihak kolej Cosmopoint.



Puan Nafisah dengan mesra mendekati kaum ibu di kawasan Kampung Beladin dan berkongsi maklumat berkenaan Kolej Cosmopoint Kuching.





Masyarakat kampung yang berkumpul di salah sebuah kedai runcit yang menjadi tumpuan masyarakat kawasan Beladin turut teruja dengan kehadiran pegawai pemasaran dari Kolej Cosmopoint Kuching.



Cik Dyea Stephen, Ketua Pendaftar dari Bahagian Pengambilan Pelajar, Kolej Cosmopoint Kuching menyampaikan sumbangan kepada Tuan Iman 1, Tuan Haji Masadi di Masjid Kampung Beladin.